



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KEUNGGULAN KEPENGARANGAN ANWAR RIDHWAN DALAM DRAMA DARI PERSPEKTIF TEORI TEKSDEALISME



05-4506832



NUR MUHAMAD SHAHIR BIN AYOB



ptbupsi

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2021**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KEUNGGULAN KEPENGARANGAN ANWAR RIDHWAN DALAM DRAMA DARI PERSPEKTIF TEORI TEKSDEALISME

NUR MUHAMAD SHAHIR BIN AYOB



05-4506832



pustaka.up



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN)**



ptbupsi

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda ()**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja

Kursus Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada19(hari bulan).....5..... (bulan) 2021

i. Perakuan pelajar :

Saya, **NUR MUHAMAD SHAHIR BIN AYOB** bernombor **M20171000765** dari **FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI**. (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk: **KEUNGGULAN KEPENGARANGAN ANWAR RIDHWAN DALAM DRAMA DARI PERSPEKTIF TEORI TEKSDEALISME** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.



pi
pustaka.upsi.edu.my



(NUR MUHAMAD SHAHIR BIN AYOB)

(Tandatangan pelajar)

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **PROF. MADYA DR. NORAZIMAH BINTI ZAKARIA** (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk: **KEUNGGULAN KEPENGARANGAN ANWAR RIDHWAN DALAM DRAMA DARI PERSPEKTIF TEORI TEKSDEALISME** (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah **SARJANA PENDIDIKAN (KESUSASTERAAN MELAYU)** (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

7/7/2021

(PROF. MADYA DR. NORAZIMAH BINTI ZAKARIA)

(Tarikh)

(Tandatangan Penyelia)





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS
PROJEK**
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: **KEUNGGLULAN KEPENGARANGAN ANWAR RIDHWAN DALAM DRAMA
DARI PERSPEKTIF TEORI TEKSDEALISME.**

No. Matrik / Matric No.: **M20171000765**

Saya / I: **NUR MUHAMAD SHAHIR BIN AYOB**

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
(*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*)

2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.

Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.)

3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.

The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) from the categories below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(NUR MUHAMAD SHAHIR BIN AYOB)

(PROF. MADYA DR. NORAZIMAH BINTI ZAKARI)

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)&
(Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: **7.7.2021**

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Saya mulai dengan memanjatkan syukur Alhamdulillah kepada Allah S.W.T yang telah melimpahkan kepada saya nikmat kesihatan yang baik, masa dan kematangan fikiran untuk menyiapkan kajian ini. Sehubungan itu, saya merakamkan sekalung terima kasih dan penghargaan yang tulus ikhlas kepada penyelia saya Prof. Madya Dr. Norazimah Binti Zakaria (Penyelia Utama) yang menyelia kajian ini. Segala bantuan, bimbingan, teguran dan nasihat beliau sesungguhnya amat berguna sepanjang kajian ini. Sesungguhnya, saya telah memperoleh ilmu dan pengalaman sepanjang proses menyiapkan kajian “Kepengarangan Anwar Ridhwan Dalam Drama”. Beliau sentiasa bersedia memberikan maklumat yang diperlukan dalam usaha menghasilkan kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun
Dengan itu, saya merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada beliau. Semoga Allah membala jasa baiknya.

Ucapan terima kasih juga saya hulurkan kepada Perpustakaan Tuanku Bainun di Universiti Pendidikan Sultan Idris bersama Perpustakaan Tun Seri Lanang dan Perpustakaan Institut Alam dan Tamadun Melayu (PATMA) di Universiti Kebangsaan Malaysia yang membantu secara langsung mahupun secara tidak langsung. Kepada bonda Rashidah Binti Ariffin dan ayahanda Ayob Bin Ahmad yang sentiasa memberi dorongan, banyak berkorban dan berdoa, diucapkan penghargaan yang setinggi-tingginya. Kepada semua yang terlibat dan menghulurkan sokongan sama ada secara langsung atau tidak langsung, hanya Allah S.W.T. yang dapat membala jasa dan budi baik kalian.





ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan dalam drama. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti prinsip kehadiran, menganalisis prinsip perlanggaran dan pengukuhan dalam drama serta mengkaji aspek kepengarangan Anwar Ridhwan sebagai pengarang drama. Kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan menggunakan kajian kepustakaan dan analisis kandungan teks. Analisis naskhah *Kumpulan Drama Anwar Ridhwan* secara deskriptif berdasarkan teori Teksdealisme berpandukan prinsip kehadiran, perlanggaran, pengukuhan dan individualisme. *Kumpulan Drama Anwar Ridhwan* diterbitkan pada tahun 2009 yang mengandungi tiga buah drama iaitu ‘Orang-orang Kecil’, ‘Yang Menjelma Dan Menghilang’ dan ‘Pulang’. Dapatan kajian menunjukkan prinsip kehadiran mengenal pasti sumber pengalaman-pengalaman pengarang sebagai cetusan idea di dalam karya. Sumber pengalaman tersebut terbahagi kepada dua secara sengaja dan secara tidak sengaja. Prinsip perlanggaran pula menganalisis sesuatu pembaharuan atau perubahan yang dilakukan dalam diri pengarang mahupun terhadap karya pengarang lain. Terdapat tiga perlanggaran di dalam kajian ini iaitu perlanggaran genre drama, perlanggaran konvensi aliran surrealisme dan perlanggaran bentuk drama sejarah. Kemudiannya, prinsip pengukuhan menganalisis usaha pengarang melakukan pemataangan dengan menyelidik kekurangan dan memperbaiki bagi mengukuhkan dramanya. Dalam hal ini, pengarang melakukan pengukuhan dari sudut struktur drama iaitu tema dan plot. Manakala, prinsip individualisme menganalisis aspek kepengarangan drama yang dikesan melalui jati diri. Jati diri terbahagi kepada lima iaitu subjektiviti, stail individu, reka cipta individu, kendiri dan tindakan individu. Kesimpulan kajian ini menunjukkan bahawa drama yang dihasilkan oleh Anwar Ridhwan mencapai tahap keunggulan. Implikasi kajian ini diharapkan dapat memberi pengetahuan dan panduan kepada bakal pengarang atau pengarang sedia ada tentang sifat keberanian dan kebijaksanaan kepengarangan drama yang mengemukakan struktur, bentuk, aliran dan ideologi supaya boleh melahirkan generasi unggul dan berwawasan.





THE SUPERIORITY OF ANWAR RIDHWAN'S AUTHORSHIP IN DRAMA FROM THE PERSPECTIVE OF 'TEKSDEALISME' THEORY

ABSTRACT

The research was conducted to study the excellence of authorship of Anwar Ridhwan in the drama. The objectives of the research are to identify the principle of Kehadiran, analyse the principle of Perlanggaran and Pengukuhan in the drama as well as to study the aspect of Anwar Ridhwan's authorship as an author in the drama. The research was conducted in a way of qualitative using the literature review and analysing the text content. Analysis the copy of Kumpulan Drama Anwar Ridhwan in a way of descriptive based on the Teksdealisme theory which are Kehadiran, Perlanggaran, Pengukuhan and Individualisme. Kumpulan Drama Anwar Ridhwan is published in the year of 2009 which contains with 3 dramas which are 'Orang-orang Kecil', 'Yang Menjelma dan Menghilang' and 'Pulang'. Based on the research shows that the principle of Kehadiran, identified the sources of author's experiences as the idea in his creation of dramas. The sources of experiences are divided into two parts which are directly or indirectly. Secondly, the principle of Perlanggaran is analysed the renewal or changes which is done in the author himself as well as in the other authors' creation. There are three Perlanggaran in the research which are Perlanggaran Genre Drama, Perlanggaran Konvensi Aliran Surelisme and Perlanggaran Bentuk Dalam Sejarah. Next is the principle of Pengukuhan which analysed the effort of author in doing the maturation by studying the deficiency and improvise to strengthen the drama. In this content, the author doing the Pengukuhan from the structure of the drama which are theme and plot. Finally, the principle of Individualisme analysed the aspect of drama authorship which is detected from his identity. The identity is divided into five parts which are Subjektiviti, Stail Individu, Reka Cipta Individu, Kendiri and Tindakan Individu. To conclude, the research shows that the creation of dramas by Anwar Ridhwan has achieved the level of excellence. Hopefully, the implication of the research could provide knowledge and guideline to the future author or the existing author about the nature of courage and the drama authorship wisdom which are Struktur, Bentuk, Aliran and Ideologi in producing the superior and visionary generation



**ISI KANDUNGAN****MUKA SURAT**

PENGAKUAN	i.
PENGESAHAN	ii.
PENGHARGAAN	iii.
ABSTRAK	iv.
ABSTRACT	v.
ISI KANDUNGAN	vi.
SENARAI JADUAL	vii.
SENARAI RAJAH	viii.
RUJUKAN	ix.

BAB SATU PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	4-7
1.2 Latar Belakang Kajian	4-7
1.3 Permasalahan Kajian	8-10
1.4 Objektif Kajian	11
1.5 Soalan Kajian	11
1.6 Kepentingan Kajian	12
1.7 Batasan Kajian	12-16
1.8 Definisi Operasional	16
1.8.1 Keunggulan	16-19





1.8.2 Kepengarangan	20-23
1.8.3 Drama	23-29
1.8.4 Teori Teksdealisme	29-30
1.9 Kesimpulan	31

BAB DUA SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	32
2.2 Kajian Tentang Kajian Karya Anwar Ridhwan	33-35
2.3 Kajian Tentang Kajian Teori Teksdealisme	36-43
2.4 Kesimpulan	44



BAB TIGA METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	45
3.2 Kaedah Dan Pendekatan Kajian	45-47
3.3 Pengumpulan Data Dan Analisis Data	48
3.4 Analisis Data	48
3.5 Teori Teksdealisme	49-51
3.5.1 Prinsip Kehadiran	51-58
3.5.2 Prinsip Perlanggaran	58-61
3.5.3 Prinsip Pengukuhan	61-64
3.5.4 Prinsip Individualisme	64-67
3.6 Kesimpulan	68



**BAB EMPAT KEPENGARANGAN ANWAR RIDHWAN DALAM DRAMA**

4.1 Pengenalan	69
4.2 Prinsip Kehadiran Dalam Kumpulan Drama Anwar Ridhwan	70-72
4.2.1 Kehadiran Pengalaman Secara Sengaja	72
4.2.1.1 Sumber Rujukan Langsung	73-84
4.2.1.2 Sumber Rujukan Tidak Langsung	84-88
4.2.2 Kehadiran Pengalaman Secara Tidak Sengaja	89-96
4.3 Prinsip Perlanggaran Dalam Kumpulan Drama Anwar Ridhwan	96-100
4.3.1 Perlanggaran Genre Drama	100-131
4.3.2 Perlanggaran Konvensi Aliran Surealisme	132-138
4.3.3 Perlanggaran Konvensi Bentuk Drama Sejarah	138-147
4.4 Prinsip Pengukuhan Dalam Kumpulan Drama Anwar Ridhwan	147-151
4.4.1 Pengukuhan Tema	151-169
4.4.2 Pengukuhan Plot	169-185
4.5 Aspek Kepengarangan Anwar Ridhwan Dalam Drama	186-187
4.5.1 Subjektiviti	187-191
4.5.2 Stail Individu	191-197
4.5.3 Reka Cipta Individu	197-203
4.5.4 Kendiri Individu	204-207
4.5.5 Tindakan Individu	207-211
4.6 Kesimpulan	212-218

BAB LIMA PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	219
5.2 Perbincangan	220





5.2.1 Mengenal Pasti Prinsip Kehadiran Dalam Kumpulan Drama Anwar Ridhwan	220-222
5.2.2 Menganalisis Prinsip Perlanggaran Dalam Kumpulan Drama Anwar Ridhwan	223-224
5.2.3 Menganalisis Prinsip Pengukuhan Dalam Kumpulan Drama Anwar Ridhwan	225-224
5.2.4 Mengkaji Aspek Kepengarangan Anwar Ridhwan Sebagai Pengarang Drama	227-229
5.3 Rumusan	229
5.3.1 Rumusan Berdasarkan Prinsip Kehadiran Dalam Kumpulan Drama Anwar Ridhwan	229-230
5.3.2 Rumusan Berdasarkan Prinsip Perlanggaran Dalam Kumpulan Drama Anwar Ridhwan	230-231
5.3.3 Rumusan Berdasarkan Prinsip Pengukuhan Dalam Kumpulan Drama Anwar Ridhwan	232-233
5.3.4 Rumusan Berdasarkan Aspek Kepengarangan Anwar Ridhwan Sebagai Pengarang Drama	233
5.4 Implikasi Kajian	234
5.4.1 Sumber Pengalaman dan Idea	234-236
5.4.2 Usaha Pembaharuan Teks	236
5.4.3 Usaha Pemantapan Teks	237
5.4.4 Aspek Kepengarangan	237-238
5.5 Cadangan Kajian	238
5.5.1 Subjek	238
5.5.2 Sifat Keberanian Dan Kebijaksaan	239
5.5.3 Pematangan Teks	239
5.6 Cadangan Kajian Lanjutan	240
5.7 Kesimpulan	241-243





SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	MUKA SURAT
3.1 Kehadiran Pengalaman Anwar Ridhwan Dalam Drama	56
3.2 Perlanggaran Dalam Drama Anwar Ridhwan	60
4.1 Watak dan perwatakan dalam Drama “Orang-orang Kecil”	107



**SENARAI RAJAH**

NO. RAJAH		MUKA SURAT
3.1	Kerangka Kajian	47
3.2	Dua Pecahan Prinsip Kehadiran	52
3.3	Proses Pengarang	53
3.4	Bentuk Kehadiran	55
3.5	Pengukuhan Drama Anwar Ridhwan	63
3.6	Aspek Kepengarangan Anwar Ridhwan Dalam Drama	65
4.1	Prinsip Kehadiran Dalam Drama Anwar Ridhwan	71
4.2	Rujukan Secara Langsung	73
4.3	Rujukan Secara Tidak Langsung	85
4.4	Kehadiran Pengalaman Secara Tidak Sengaja	89
4.5	Perlanggaran Dalam Drama Anwar Ridhwan	99
4.6	Freytag Pyramid (1863)	170
4.7	Pembinaan Plot Drama “Orang-orang Kecil”	172
4.8	Pembinaan Plot Drama “Yang Menjelma Dan Menghilang”	175
4.9	Pembinaan Plot Drama “Pulang”	181





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

BAB 1

PENGENALAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pendahuluan

Pengarang yang kaya dengan pengalaman boleh melahirkan cetusan-cetusan idea untuk mengemukakan sesuatu unsur dan menuju sesebuah karya unggul. Perkara ini turut dijelaskan oleh Mana Sikana (2013:230) pengalaman mempunyai roh dengan kreativiti penulisan teks bahkan pengalaman yang unggul akan melahirkan teks yang unggul, sebaliknya kurang pengalaman bererti kekurangan idea atau unsur dalam teks. Menurut Abdul Halim Ali(2011) dalam jurnalnya Proses kreativiti A. Samad Said berasaskan teori Teksdealisme, iaitu proses kepengarangan A. Samad Said menuju ke peringkat



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



keunggulan dengan melalui pengalaman-pengalaman yang menjadikan sumber idea-idea bersama realiti kehidupannya dalam menghasilkan sesebuah karya bagi menonjolkan keunggulannya.

Sifat pengarang yang unggul akan berusaha menggunakan bakat, kebolehan dan keintelektualan dengan unsur-unsur tertentu bersama idea dan olahan yang baharu. Abdul Halim Ali(2015:187) menyatakan pengarang dituntut supaya berani mengemukakan idea-idea baharu, teknik penulisan baharu, mengekalkan dan mempertahankan stail yang dibina sendiri ataupun menghasilkan inovasi-inovasi yang mungkin luar biasa pada pandangan umum. Perubahan yang dilakukan pengarang memiliki kebijaksanaan dengan menampilkan keaslian, keupayaan berfikir secara kreatif malah berusaha menampilkkan imej atau identiti tersendiri. Justeru, sifat tersebut perlu dimiliki oleh pengarang agar mampu mencipta, meneroka dan menghasilkan karya yang unggul demi pembentukan dan pembangunan masyarakat.

Kekuatan yang ditampilkan dalam Kumpulan Drama Anwar Ridhwan karya tokoh Sasterawan Negara ke-10 merupakan sumbangan kepada kesusasteraan Melayu tanah air. Drama “Orang-orang Kecil” dan “Yang Menjelma dan Menghilang” pernah memenangi Hadiah Utama Peraduan Menulis Drama Yayasan Seni- Berita Harian 1990. Kemudiannya, drama “Pulang” merupakan kesinambungan idea daripada drama yang keduanya. Walaupun Anwar Ridhwan dianggap bukan penulis prolifik dalam bidang drama namun pengalaman dan idea yang dimilikinya mampu menghasilkan drama setaraf penulis drama terkemuka. Ketiga-tiga drama tersebut menampilkan keberanian dan kebijaksanaan pengarang dalam usaha mentransformasikan konvensi





sastera bercorak baharu yang berbeza dengan penulis-penulis terkemuka bahkan penulisan yang sedia ada.

Kumpulan Drama Anwar Ridhwan menjadi bahan utama kajian untuk dianalisis bagi membuktikan keunggulan karyanya. Aspek kajian yang dijalankan ini, keunggulan kepengarangan yang dimiliki oleh Anwar Ridhwan akan dinilai seperti kajian kepengarangan tokoh-tokoh sastera lain. Menurut Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali(2014:75) menunjukkan bahawa ikon Anwar Ridhwan mementingkan kualiti dan bukannya kuantiti dalam berkarya dan telah dilihat menjadi satu ikon penting dalam sejarah kesusasteraan Melayu moden Malaysia. Sesungguhnya tahap keunggulan menjadi idaman bagi setiap pengarang sastera untuk meletakkan karyanya di takhta unggul. Begitu juga dilihat melalui diri Anwar Ridhwan yang berusaha menggunakan

keberanian dan kebijaksanaan bagi menghasilkan karya yang unggul.

Justeru, kajian drama “Orang-orang Kecil”, “Yang Menjelma dan Menghilang” dan “Pulang” dikaji aspek keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan dalam drama dari perspektif teori Teksdealisme. Keunggulan ini akan dilihat isu yang dikemukakan sebagai sensitiviti pengarang dalam kepengarangannya hingga mengangkat martabat karyanya. Menurut Rahimah A. Hamid (2017) sensitiviti ialah percikan pertama yang membangkitkan idea atau ilham di jiwa pengarang untuk mengarang sehingga menampilkan daya kreativiti dan keistimewaan dalam sesebuah karya. Oleh itu, keunggulan kepengarangan menjadi teras penciptaan dan sensitiviti pengarang yang berusaha meletakkan karya pada tahap yang unggul di sisi khalayak





1.2 Latar Belakang Kajian

Anwar Ridwan adalah nama penanya dan nama sebenarnya ialah Mohd Anuar Ridwan bin Haji Rethwan. Menurut Sahlan Mohd Saman (1999:37) Anwar Ridhwan dilahirkan pada 5 Ogos 1949 di sebuah kampung yang bernama Kampung Parit Satu Timur, iaitu satu kawasan yang berhampiran dengan Sungai Besar, Selangor. Pada tahun 1956 hingga 1962 beliau bersekolah di Sekolah Rendah Sungai Besar. Selepas tamat alam persekolahan rendah beliau meneruskan ke Sekolah Menengah Sabak Bernam atau dikenali sebagai Sekolah Menengah Ungku Aziz pada tahun 1963-1967. Setelah berjaya menamatkan pengajian dan berjaya dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).



Kemudiannya, Anwar Ridhwan telah melanjutkan pelajarannya di Sekolah Menengah Alam Shah, Kuala Lumpur iaitu pada tahun 1968 hingga 1969. Hasilnya beliau berjaya mendapatkan Sijil Tinggi Pelajar Malaysia (STPM) dengan cemerlang sehingga ditawarkan untuk melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya pada tahun 1970 dalam jurusan Pengajian Melayu. Pengajian beliau selama tiga tahun di universiti pada tahun 1973 telah mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian. Walaupun beliau masih belum menamatkan pengajian di universiti tetapi sudah ditawarkan bekerja di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Bermula bulan Februari 1973, beliau telah bekerja sebagai Pegawai Penyelidikan Sastera Sementara. Pada 1 Mei 1973, beliau telah menyandang jawatan tetap sebagai Pegawai Penyelidik DBP(Siti Ezaleila Mustafa: 2009).





Anwar Ridhwan merupakan seseorang yang cinta akan ilmu pengetahuan. Walaupun beliau diberi tanggungjawab sebagai pegawai di Dewan Bahasa dan Pustaka namun kesibukan alam pekerjaannya tidak pernah mematikan minatnya untuk meneruskan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Pada tahun 1978, beliau telah melanjutkan pelajaran di universiti Malaya sehingga berjaya mendapatkan Ijazah Sarjana Sastera pada tahun 1983. Kajian sastera beliau bertajuk “Sudut Pandangan Dalam Novel-novel Melayu Dan Indonesia Sejak Sebelum Perang Sehingga 1975”, di bawah seliaan Prof A. Bakar Hamid.

Setelah beliau berjaya mendapatkan Ijazah Sarjana Sastera, pada tahun 1995 pula beliau telah berjawatan profesional di Dewan Bahasa dan Pustaka iaitu sebagai Ketua Bahagian Kesusastraan Moden. Sifat beliau yang ingin dalami ilmu pengetahuan sehingga meneruskan pengajian ke peringkat tertinggi. Hasil daripada sifat peribadi beliau telah berjaya mendapatkan Ijazah Doktor Falsafahnya, yang ditauliahkan oleh Universiti Malaya pada tahun 1998. Tajuk kajian Anwar untuk prasyarat Ijazah Doktor Falsafahnya ialah “ *Utusan untuk Kebaikan : Analisis Watak Pradata Dalam Novel Melayu*” di bawah seliaan Hasyim Awang.

Selain itu, beliau pernah menyertai kursus penerbitan buku dan pengurusan di New York University, Amerika Syarikat pada tahun 1982. Manakala pada tahun 1997 hingga 2000 beliau telah menjadi Profesor Tamu Bahasa Asing di Tokyo University. (Mohd. Yusof Hasan dan Siti Khariah Mohd. Zubir : 2013) Ini merupakan kejayaan terbesar Anwar menjadi pengarang kelima Asia yang diundangkan untuk menduduki





kerusi di universiti tersebut dan merupakan satu-satunya pengarang Malaysia yang pernah bertugas sebagai Profesor Pelawat di universiti tersebut. Anwar Ridwan telah diumumkan sebagai penerima Anugerah Sastera Negara ke 10 yang disampaikan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin di Palace of Golden Horses, Seri Kembangan. Kini beliau bertugas sebagai Dekan Fakulti Penulisan, Akademik Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA).

Dalam dunia penulisan Anwar Ridhwan terkenal sebagai novelis dan penulis cerpen. Novel pertama beliau ialah “Hari-hari Terakhir Seorang Seniman” (1979), memenangi Hadiah Pertama Peraduan Sayembara Mengarang Novel anjuran GAPENA- Yayasan Sabah. Novel ini menggambarkan konflik jiwa penglipur lara kerana ancaman terhadap seni dan idea. Novel kedua berjudul “Arus” (1985) yang memaparkan skandal bank dan isu kafir-mengkafirkhan di kalangan umat Islam di negara. Novel ini memenangi Hadiah Sastera Malaysia 1984/85. Seterusnya beliau meneruskan penulisan novel yang berjudul “Di Negeri Belalang” (1989), “Naratif Ogonshoto” (2001) dan “Penyeberang Sempadan” (2012).

Antologi cerpen Anwar Ridhwan yang pertama “Parasit” (1976), memaparkan corak penulisannya dengan gaya baharu melalui bahasa yang puitis. Dalam antologi cerpen yang kedua, “Sesudah Perang” (1978), beliau menggarap tema tentang nasib watak-watak dalam kebudayaan tradisi di ambang kebudayaan baharu yang agresif, materialistik dan individualistik. Tema seperti ini banyak dikemukakan oleh Anwar Ridhwan termasuk dalam antologi cerpen ketiganya “Sangkar” (1986). Anwar





Ridhwan turut memenangi Hadiah Karya Sastera Malaysia : “Perjalanan Terakhir” (1971), “Dunia Adalah Sebuah Apartmen” (1973), “Sesudah Perang” (1976), “Sasaran”, “Sahabat” dan “Menjadi Tua” (1982/83).

Anwar Ridhwan juga tidak terkecuali dalam penulisan puisi kerana bidang puisi bukan suatu bidang yang baru. Puisi pertama beliau ialah “Jauh” disiarkan dalam *Utusan Zaman* keluaran 19 julai 1970. Kemudiannya, beliau menghasilkan sebuah kumpulan puisi berjudul “Tercipta Dari Tanah” (1985) terbitan Media Intelek Sdn. Bhd. Kumpulan puisi ini diulang cetak pada tahun 2010 oleh Pekan Ilmu Publication Sdn. Bhd. Kemudiannya, Anwar Ridhwan menghasilkan kumpulan puisi yang berjudul “Tercipta Dari Tanya” diterbitkan pada tahun 2013 oleh Institut Terjemahan dan Buku Malaysia. Buku ini mengandungi 99 buah puisi terlahir daripada perkara asas tentang pengertian mistik dalam kehidupan, sebab-musabab kejadian serta pengakhiran dan perjuangan hidup.

Dalam bidang penulisan drama pentas, Anwar Ridhwan telah menghasilkan “Orang-orang Kecil” (1990) dan “Yang Menjelma dan Menghilang” (1992). Dua buah drama ini memenangi Hadiah Utama Peraduan Menulis Drama Yayasan Seni – Berita Harian 1990. Beliau juga pernah mengarahkan tiga drama pentas iaitu “Penghuni Paya” – “The Swamp Dweller” karya wole Soyinka pada 16- 18 Disember 1991, “Pulang” (dramanya yang belum diterbitkan) pada 5-8 Disember 1995 dan “Yang Menjelma dan Menghilang” pada 8-13 Jun 2001. Kemudiannya, tiga buah drama Anwar Ridhwan telah diulang cetak dan diterbitkan dalam *Kumpulan Drama Anwar Ridhwan* (2009).





1.3 Permasalahan Kajian

Negara kita memerlukan ramai penulis skrip berbakat untuk merungkaikan gedung khazanah bangsa. Justeru, kegiatan penulisan skrip drama pentas dilihat tidak mendapat sambutan dan kurang diberi perhatian. Perkara ini amat perlu dirisaukan kerana kesannya boleh mengakibatkan kepupusan skrip drama Melayu. Sewajarnya perkara ini tidak perlu diambil mudah bagi mengatasi masalah berpunca sumber bahan skrip drama yang berkualiti berkurangan.

Skrip drama yang kurang kualiti kerana tanpa penyelidikan terperinci yang dilakukan oleh penulis. Menurut Mohd Daly Daud, Nursyamimi Harun dan Md.

Rozalafri Johori. (2014), menjelaskan dalam kajian Asiah Sarji. (1996), bahawa hampir sebahagian daripada penulis skrip di negara ini menyatakan penyelidikan tidak perlu dilakukan dan tiada masa yang cukup untuk membuat penyelidikan bagi menghasilkan skrip. Sebahagian lagi, membuat penyelidikan jika keadaan memerlukan tetapi tidak begitu mendalam dan tidak seteliti seperti yang diharapkan kerana kesuntukan masa. Oleh itu, Sebagai seorang penulis skrip, mereka perlu bijak dan berani meletakkan dirinya sebagai penyelidik yang mengagumkan. Skrip yang ditulis perlu disokong dengan fakta penyelidikan agar penceritaannya mampu meyakinkan pembaca atau penonton.

Oleh sebab itu, skrip drama bermutu sukar untuk diciptakan kerana masih kurang penulis-penulis yang berpengetahuan dalam bidang penulisan drama. Dengan





kata lain, masyarakat tidak akan mempedulikan kehadiran skrip drama kerana hasil karya tidak begitu memuaskan hati pembaca atau penonton. Hal ini, mengakibatkan perkembangan drama di Malaysia akan terbantut. Menurut Pyanhabib (2017), bahawa Siso menyatakan perkembangan teater masih di peringkat biasa sahaja kerana kurang pementasan, kurang skrip yang baik dan kurang badan teater yang serius dengan kerjayanya. Hal ini menyebabkan teater masih “hidup” dengan pengarang dan pengarah yang mapan sahaja. Dengan itu, tiada seorang penulis dan pengarah mampu bersaing dengan pengarang atau pengarah teater yang sudah kuat namanya.

Selain itu, penggiat-penggiat teater muda yang kurang pengalaman dan pendedahan terhadap penulisan yang bagus. Lantaran usia mereka yang masih muda dan kurang mendapat pendedahan, mereka tidak terdedah dengan penulisan-penulisan skrip yang baik. Cubaan mereka menghasilkan skrip drama harus diberi pujian walaupun tidak mencapai tahap yang diperlukan sebagai pengarang drama. Skrip drama kebiasaannya dihasilkan lebih tertumpu kepada eksperimen idea penulis dan juga hanya berkaitan tentang ketidakpuasan sesuatu perkara. Pelbagai produksi selalu mementaskan drama yang plotnya hampir sama. Hal ini, memberi gambaran terhadap teater di tanah air sudah ada satu format tertentu skrip untuk dipentaskan. Oleh itu, menyebabkan masyarakat merasakan persembahan teater bukanlah satu seni persembahan yang menarik.

Berikutnya itu, menurut Asiah Sarji (1997), menyatakan kebiasaannya masalah yang dihadapi oleh kebanyakan penulis skrip dan hasil penulisan seperti skrip dan cerita





sangat stereotaip, perkembangan watak lemah dan terpusat, suka meletak-letakkan subplot di dalam cerita yang menyebabkan tidak terdapatnya kesinambungan, dialog yang terbentuk tidak sesuai dengan perwatakan, hambar dan tidak kemas, lemah dalam membuat *plotting* cerita sehingga menjadikannya meleret-leret (*dragging*) dan sering berlaku plot menyeleweng dari jalan cerita asal, kerap berlaku sesuatu perkara/isu yang berulang-ulang menyebabkan cerita tidak berkembang dengan licin, dan ada kalanya cerita tidak logik.

Jelaslah, usaha perlu diambil bagi mengatasi masalah penulisan skrip drama pentas yang kurang diberi perhatian. Perkara ini sangat penting untuk memartabatkan genre skrip drama pentas kerana ianya wadah memancarkan ketinggian pemikiran, intelektual serta seni estetika sesuatu bangsa. Dalam konteks penyelidikan kepengarangan Anwar Ridhwan boleh dijadikan panduan sebagai acuan dalam penulisan drama. Hal ini, penyelidikan ini menggunakan teori teksdealisme yang menganalisis empat prinsip iaitu kehadiran, perlanggaran, pengukuhan dan individualisme. Oleh itu, kajian penyelidikan ini adalah salah satu usaha untuk memberi panduan dalam menghasilkan skrip drama selaras melahirkan pengarang yang unggul.





1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Mengenal pasti prinsip kehadiran dalam Kumpulan Drama Anwar Ridhwan
- ii. Menganalisis prinsip perlanggaran dalam Kumpulan Drama Anwar Ridhwan
- iii. Menganalisis prinsip pengukuhan dalam Kumpulan Drama Anwar Ridhwan
- iv. Mengkaji aspek kepengarangan Anwar Ridhwan sebagai pengarang drama

1.5 Soalan Kajian

Dalam kajian ini terdapat soalan yang disandarkan oleh pengkaji dalam mencari isu yang ditimbulkan. Kajian yang dijalankan ini dijangka dapat menjawab soalan kajian seperti dikemukakan:

- i. Apakah prinsip kehadiran dalam Kumpulan Drama Anwar Ridhwan?
- ii. Adakah terdapat prinsip perlanggaran dalam Kumpulan Drama Anwar Ridhwan?
- iii. Adakah terdapat prinsip pengukuhan dalam Kumpulan Drama Anwar Ridhwan?
- iv. Bagaimanakah aspek kepengarangan Anwar Ridhwan sebagai pengarang drama?





1.6 Kepentingan Kajian

- i. Hasil kajian ini penting untuk memahami erti keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan dalam drama yang berjudul “Orang-orang Kecil”, “Yang Menjelma Dan Menghilang” dan “Pulang” dari perspektif teori Teksdealisme.
- ii. Hasil kajian ini juga adalah untuk memberi ruang dan kemudahan yang membolehkan para pengkaji dan sarjana lain melakukan penyelidikan kepengarangan berlandaskan teori Teksdealisme.
- iii. Kajian ini penting bagi membuktikan dan mempertahankan aspek keunggulan kepengarangan drama pendekatan teori Teksdealisme.
- iv. Kajian ini juga penting sebagai suatu tapak atau asas kritikan Teks



1.7 Batasan Kajian

Batasan kajian ini menggunakan naskhah Kumpulan Drama Anwar Ridhwan yang mengandungi tiga buah skrip drama bertajuk “Orang-orang Kecil”, “Yang Menjelma Dan Menghilang” dan “Pulang”. Pada mulanya, skrip drama pentas “Orang-orang Kecil” diterbitkan pada tahun 1990 dan “Yang Menjelma dan Menghilang” pada tahun 1992. Kemudiannya, naskhah *Kumpulan Drama Anwar Ridhwan* hasil terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Kuala Lumpur pada tahun 2009 yang mempunyai 245 muka halaman.





Skrip drama pentas “Orang-orang Kecil” mempunyai watak-watak yang tidak bernama sekadar berpaksi kepada tugas sahaja iaitu Doktor, Peguam, Si Jelita, Lelaki I, Lelaki II, Lelaki III dan Wanita I, Wanita II, Wanita III. Penggerak watak drama ini ialah Doktor (berusia 60 tahun) masih sihat dan seorang yang sangat serius. Doktor ini datang ke rumah warisan dan bercita-cita hendak membeli rumah berkenaan. Perkembangan cerita bermula dengan mimpi aneh yang dialami oleh doktor sehingga mendorong beliau untuk membeli dan memelihara rumah warisan tersebut. Watak doktor tersebut dikiaskan sebagai pemimpin yang diamanahkan untuk memimpin segala corak pentadbiran di rumah warisan itu.



berlapis-lapis, iaitu tiga lapisan yang berpunca daripada tekanan jiwa dan pemikiran kesan daripada satu kemalangan. Drama ini dimulakan dengan sumpahan Bentara Guru kepada Sang Rajuna yang dianggap melanggar perintah di kayangan. Sang Rajuna telah dihukum dan dilontar ke dunia menjalani kehidupan dengan pelbagai agenda dan tindak tanduknya untuk mendapat berkat dan kesenangan serta keampunan. Empat halus telah dikeluarkan dari tubuh Sang Rajuna dan diperintahkan dua halus iaitu Kawistana dan Gandawijaya ke dunia kayangan untuk melaksanakan tugas menuntut bela. Manakala, dua halus lagi iaitu Dandan Jaya dan Surya Laga diperintah ke dunia manusia.





Teks drama “Pulang” mengisahkan tentang zaman akhir penjajahan di Tanah Melayu oleh Inggeris pada era 1950-an. Rostam adalah watak nasionalis muda yang berani menentang sikap tamak penjajah. Hal ini, Rostam telah dibawa ke muka pengadilan dan didakwa atas tiga tuduhan, pertama kerana menghasut pekerja lombong untuk melawan Tuan Campbell, kedua kerana menulis artikel memburuk-burukkan syarikat, dan ketiga dia didakwa ingin membakar pejabat lombong. Akhirnya Rostam dijatuhan hukuman dipenjarakan selama 36 bulan. Pekerja lombong telah disedarkan betapa mereka hanya dijadikan alat kepada pihak Inggeris untuk mendapatkan keuntungan dan akan berlalu apabila semuanya tidak diperlukan lagi.



Dalam kajian ini, tiga buah drama tersebut akan dianalisis menggunakan sebuah teori Teksdealisme. Teori Teksdealisme mempunyai empat prinsip yang menjadi panduan dalam kajian ini iaitu prinsip kehadiran, perlanggaran, pengukuhan dan individualisme. Prinsip pertama adalah prinsip kehadiran untuk mengenal pasti prinsip kehadiran yang terdapat dalam drama “Orang-orang Kecil”, “Yang Menjelma Dan Menghilang” dan “Pulang”. Terdapat dua aspek kehadiran iaitu kehadiran pengalaman secara sengaja dan kehadiran pengalaman secara tidak sengaja. Kehadiran pengalaman secara sengaja terbahagi kepada dua iaitu sumber rujukan secara langsung dan rujukan secara tidak langsung. Manakala, kehadiran pengalaman secara tidak sengaja dapat kaitkan sumber idea pengarang tanpa diusahakan yang dikenali sebagai “gedung pengalaman’. Dengan itu, kehadiran pengalaman boleh mempengaruhi idea dan kreativiti seorang pengarang untuk menghasilkan karya ke tahap unggul.





Keduanya, batasan kajian dalam berpandukan kepada prinsip perlanggaran dengan menganalisis Anwar Ridhwan berdasarkan suatu proses penciptaan dinamik untuk mencari pembaharuan dalam penulisannya. Terdapat beberapa pembaharuan yang dilakukan dalam diri Anwar Ridhwan iaitu perlanggaran penulisan genre drama, perlanggaran konvensi drama aliran surrealisme dan perlanggaran konvensi drama konsep sejarah. Dengan itu, perlanggaran yang dilakukan beliau memperlihatkan nilai perimbangan sama ada mengekalkan dan merubah sesuatu dalam usaha mencapai keunggulan teks.

Seterusnya, prinsip pengukuhan boleh ertikan sebagai usaha pengarang mendewasakan karyanya yang terbaru. Anwar Ridhwan telah melakukan pengukuhan drama “Orang-orang Kecil” dengan menghasilkan drama “Yang Menjelma dan Menghilang” dan “Pulang”. Pengukuhan tersebut berdasarkan struktur drama iaitu tema dan plot. Dengan itu, wujud dalam diri Anwar Ridhwan keinginan dan keazaman untuk mempertingkatkan mutu penulisan supaya berjaya menghasilkan teks yang unggul.

Prinsip individualisme pula menganalisis aspek kepengarangan yang mempunyai lima kriteria iaitu subjektif, stail individu, reka cipta individu, kedirian dan tindakan individu. Aspek kepengarangan Anwar Ridhwan akan dianalisis yang terdapat dalam tiga buah dramanya.

Jelaslah, batasan kajian ini berdasarkan naskhah Kumpulan Drama Anwar Ridhwan yang mengandungi tiga buah drama “Orang-orang Kecil”, “Yang Menjelma





dan Menghilang” dan “Pulang”. Tiga buah drama akan dianalisis berdasarkan teori Teksdealisme. Teori Teksdealisme mempunyai empat prinsip iaitu kehadiran, perlanggaran, pengukuhan dan individualisme. Dengan itu, empat prinsip tersebut menjadi panduan dalam kajian kepengarangan Anwar Ridwann dalam drama.

1.8 Definisi Operasional

1.8.1 Keunggulan

Dalam buku Teori Sastera Teksdealisme menjelaskan bahawa keunggulan bermaksud nilai tinggi, luar biasa, cemerlang dan memiliki kekuatan bertahan dalam ujian masa

nilai tinggi, luar biasa, cemerlang dan memiliki kekuatan bertahan dalam ujian masa dan zaman. Keunggulan juga bererti membawa budaya sastera ke suatu tahap yang lebih tinggi, baik dalam peringkat kebangsaan juga antarabangsa (2006 :73). Hal ini, keunggulan merujuk usaha pengarang yang mempunyai hasrat untuk meletakkan teksnya ke tahap keunggulan. Justeru, pengarang berusaha dengan bakat, kebolehan, intelektual dan keterampilan bagi menghasilkan dan mengatasi apa-apa nilai yang dihasilkan oleh pengarang lain.

Selain itu, Kamus Dewan edisi keempat (2005:1790) keunggulan merujuk kepada sesuatu yang melebihi atau mengatasi yang lain (baik, cekap, bijak, tinggi dan lain-lain) terbaik, teristimewa dan terutama. Abdul Aziz Rahman yang menyusun Kamus Milenium pula mentakrifkan unggul sebagai lebih daripada lain, terbaik, utama, istimewa (2000:779). Manakala, Tesaurus BM (2005:601) mendefinisikan unggul ialah





terbaik, ideal, istimewa, terutama, ulung, johan, jempolan dan semurung. Oleh itu, keunggulan boleh diertikan sebagai karya yang mengatasi kekuatan karya ciptaan sebelumnya.

Keunggulan terdiri daripada beberapa ciri seperti keberanian, kebijaksanaan, pengalaman, ideologi dan sudut estetika. Ciri utama yang digariskan terhadap keunggulan ialah keberanian. Keunggulan terletak pada keberanian dengan mengemukakan sesuatu idea dan pemikiran baharu dan bersedia melakukan inovasi dan pembaharuan. Namun, keberanian sahaja tanpa kebijaksanaan akan sia-sia. Kebijaksanaan merujuk sifat yang mendorong pekerjaan teks itu supaya dilakukan dengan penuh kesedaran dan bergerak dalam landasan ilmu. Justeru, pengarang memaparkan karya atau teks dengan keberanian secara bijaksana sebenarnya mengilhamkan pemikiran yang besar dan unggul.

Ciri keunggulan seterusnya kehadiran pengalaman sehingga membolehkan terhasil karya atau teks yang unggul. Menurut Mana Sikana (2006:21) bahawa pengalaman roh teks akan melahirkan teks yang unggul. Hal ini, pengalaman mempunyai hubungan roh dengan kreativiti penulisan teks. Pengalaman yang unggul akan melahirkan teks yang unggul, sebaliknya kurang pengalaman bererti kekeringan idea dalam teks. Sehubungan itu, kehadiran pengalaman amat diperlukan dalam menghasilkan sesebuah teks yang unggul kerana “Pengalaman sesungguhnya mempunyai falsafah. Bersifat abstrak tetapi boleh dikonkritkan, terapung-apung dalam





pemikiran serta melekat pada pendirian". Justeru, pengalaman yang dituangkan ke acuan teks akan meletakkan erti dan makna teks sebagai karya unggul.

Kemudiannya, ciri keunggulan harus mempunyai ideologi yang dikemukakan oleh pengarang. Menurut Mana Sikana (2013:229) sejarah membuktikan bahawa untuk mencapai sastera yang unggul, tradisi *high literature* mesti dikerjakan, terutamanya pengarang yang sedar tanggungjawabnya terhadap pembinaan dan pembangunan bangsa. Hal ini, karya unggul diberi penekanan kepada ideologi amat dituntut. Setiap pengarang perlu memilih ideologi. Tanpa ideologi tidak akan mencapai ke taraf pengarang unggul. Hal ini, keunggulan terlahir daripada pengarang yang mempunyai ideologi. Oleh itu, penggunaan teori salah satu kriteria dalam menentukan keunggulan

teks dan juga pengarang.



Di samping itu, ciri keunggulan turut dilihat dari sudut estetika. Dalam konteks ini, estetika memperlihatkan konsep berkaitan dengan seni atau keindahan. Keunggulan estetika terletak pada bahagian struktur dan juga boleh terletak mana-mana komponen yang istimewa. Hal ini, keunggulan teks sastera berupaya menyaksikan kemampuan seseorang pengarang menganalisis serta menemui metode dan mekanisme yang mengungkapkan pengalaman supaya terlihat keunggulan seni (Mana Sikana 2006: 31). Oleh itu, kemampuan pengarang mencipta nilai estetika pada mana-mana komponen akan melahirkan keunggulan pada teks dan pengarang.





Dalam buku Wacana Sastera Melayu Semasa (2013) berkaitan analisis cerpen Dewan Sastera yang bertajuk “ Mencari Teks Unggul” oleh Jeniri Amir juga menggambarkan maksud teks unggul. Jeniri Amir (2003: 77-88) menyatakan penyerahan teks lazimnya dipengaruhi dengan pengalaman, ilmu pengetahuan, falsafah, pendirian, tanggapan dan nilai seseorang pengarang. Penghasilan teks yang unggul bertolak daripada sumber kehadiran seperti pengalaman, idea, pegangan dan nilai bahasa yang dimiliki pengarang. Pengarang akan melakukan pemilihan dan pemantapan berdasarkan sumber kehadiran supaya dapat melahirkan teks yang unggul dalam memanfaatkan pelbagai mekanisme sastera.



Secara umumnya, keunggulan merujuk kepada nilai tinggi sesebuah teks atau karya. Walaupun teks telah lama dihasilkan namun keunggulan yang ada menjadikan teks tersebut kukuh sepanjang masa. Penghasilan keunggulan teks memerlukan pengarang bersifat “keberanian dan kebijaksanaan”. Pengarang perlu sedar tentang konsep kepengarangan dengan mengemukakan isu permasalahan masyarakat. Dengan kata lain, ideologi pengarang dikemukakan sebagai usaha-usaha mencari jalan penyelesaian masalah dan disampaikan dengan gaya kepengarangan. Oleh itu, gaya kepengarangan tersebut dinilai untuk menentukan sama ada teks atau karya sedang menuju keunggulan atau sudah mencapai tahap keunggulan.





1.8.2 Kepengarangan

Kepengarangan berkaitan dengan diri pengarang seperti latar belakang, karya-karya yang dihasilkan, idealisme serta pencapaian sepanjang kehidupannya. Dewan Bahasa dan Pustaka (2010) mendefinisikan pengarang sebagai orang yang mengarang cerita (lagu, sajak dan sebagainya) atau orang yang menyunting karangan untuk diterbitkan. Pengarang adalah personaliti atau individu yang memiliki keunikian tersendiri khasnya dalam mencipta hasil penulisan disebabkan bakat, minat serta misi tertentu untuk menyampaikan mesej dirinya kepada pembaca atau khalayak. Pengarang mencipta sesebuah karya yang mempunyai niat dan pelbagai tujuan seperti mendidik, memberi kesedaran, pengadilan moral, serta berekspresi secara kreatif kepada khalayak pembaca.



Terdapat perbezaan antara pengarang Melayu tradisi dan pengarang Melayu moden. Menurut Norazimah Zakaria (2016), pengarang terbahagi kepada dua iaitu pengarang Melayu tradisi dan pengarang Melayu moden. Pengarang Melayu tradisi merujuk seorang penyalin, penterjemah kerana dia boleh menyadur, merombak dan menyesuaikan sesebuah karya asli supaya hasil karya menarik mengikut cita rasanya dan budaya yang melahirkannya. Hal ini, setiap karya yang dihasilkan adalah milik kolektif yang bermaksud pegangan hidup yang mementingkan hak milik bersama dalam semua aspek kehidupan. Manakala, pengarang Melayu moden pula menghasilkan karya sendiri berdasarkan ilham dan proses kreativitinya. Segala penghasilan karya milik individu dan bukan bersifat kolektif. Pengarang moden tidak





dibenarkan pengulangan istilah atau disebut plagiat dan meniru tanpa kebenaran serta menjadi kesalahan etika dalam pengarang moden.

Sehubungan itu, seseorang pengarang Melayu moden bersifat peka dan sensitif dengan kepincangan kehidupan. Misalnya, perasaan ketidakpuasaan hati pengarang terhadap sistem politik dan menggunakan medium penulisan sebagai alat penyampaikan ideologi untuk mendidik atau memperbetulkan ketempangan nilai kehidupan masyarakat. Hamedи Mohd Adnan (2008) menyatakan pengarang ialah orang yang menyusun gagasan atau idea yang kemudiannya disebar luas melalui buku. Dalam hal ini, maksud pengarang itu dengan lebih luas. Pengarang adalah seseorang, atau suatu kelompok orang, suatu lembaga, pemerintah, dan badan yang mempunyai tanggungjawab terhadap idea yang disusun. Pelbagai kaedah persesembahan dalam karya diaplikasikan pengarang untuk menzahirkan perasaan dan kuasa pemikat. Pengarang yang mempunyai idealisme memiliki prinsip kepengarangan ke arah mencapai tahap keunggulan dan dikagumi semua orang. Dalam hal ini pengarang mutlak terhadap karya yang dihasilkan.

Selain itu, kepengarangan merujuk kepada pengalaman pengarang. Dalam hal ini pengalaman pengarang antara elemen penting mencorakkan gaya kepengarangan. Segala pengalaman yang dirasai dan dilalui akan dipilih sebelum dipindahkan ke dalam karya. Pemindahan pengalaman ke dalam karya berlainan antara pengarang dengan pengarang lain. Menurut Ghazali bin Din (2016) pengarang dalam konteks kepengarangan melakukan pemindahan (transformasi) persekitaran yang realiti dalam





satu proses yang unik, kesendirian dan kompleks. Proses ini berlaku sebagai proses pengarang membina kredibiliti atau memartabatkan dirinya untuk membentuk daya perikatan pembaca yang memihak kepada idealisme pengarang itu sendiri.

Pengarang mempunyai kemahiran yang tinggi untuk mengolah pengalaman-pengalaman dan diperlihatkan ke dalam bentuk teks atau karya. Menurut Muhamad Hj, Salleh (2000:221), bahawa kepengarangan diertikan mencipta sesuatu hasil seni yang menggunakan kata-kata, bunyi melalui pemilihan dan penyusunan (ayat), unsur sebuah cerita, gagasan, fakta, emosi, perwatakan dan lain-lain. Pengalaman tersebut boleh merangkumi pelbagai bentuk iaitu struktur, unsur, aliran dan ideologi. Bentuk struktur ialah tema, plot, watak, latar dan bahasa. Bentuk unsur pula ialah kesenian, agama, tradisional, moden, lagu, magis, sains, teknologi, seks, mistik, dogeng dan sebagainya. Manakala, bentuk aliran ialah realisme, absurd, surrealisme, sosialisme dan sebagainya. Kemudiannya, bentuk ideologi ialah Sufisme, Komunisme, Hinduisme, Nasionalisme, Feminisme dan sebagainya.

Jelaslah, pengarang menghasilkan karya seni bertujuan menyampaikan sesuatu makna kepada khalayak. Pengarang mencerahkan pengalaman yang terpilih melalui penciptaan karya sama ada secara terancang atau tidak terancang. Mana Sikana (1946:91) menganggap proses penciptaan oleh pengarang secara separuh sedar (*subconscious*) dapat melahirkan hasil karya yang baik kerana pengarang memanifestasikan apa yang sebenarnya berlaku dalam fikirannya. Kejayaan menguasai idea secara separuh sedar ini akan membentuk perjalanan kepengarangannya hingga





berjaya mencipta karya tahap agung Perkembangan kehidupan pengarang adalah peranan yang dilalui seseorang pengarang dari tahap usianya. Merujuk pengarang drama bahawa mencipta karya berdasarkan dunia kehidupan yang dipenuhi aksi dan reaksi. Dengan kata lain, pengarang Anwar Ridhwan mengarang skrip drama daripada sumber idea dan pengalaman yang telah dipilih dalam fikirannya. Hal ini, terciptalah skrip drama pentas “*Orang-orang Kecil*”, “*Yang Menjelma Dan Menghilang*” dan “*Pulang*” karya Anwar Ridhwan.

1.8.3 Drama

Drama merupakan hasil seni kreatif dan salah satu genre sastera Melayu yang mempunyai sifat tersendiri dan unik. Setiap pengarang menghasilkan skrip drama berkaitan dengan kisah kehidupan yang dipenuhi aksi dan reaksi. Menurut Hasanuddin (1996:2) menyatakan Ferdinand Brunetiere dan Balthazar Verhagen berpandangan tentang drama adalah kesenian yang melukiskan sifat dan sikap manusia. Sifat dan sikap manusia tersebut sewaktu berusaha memenuhi keperluan dan kehendak dalam diri.

Sehubungan itu, peristiwa kehidupan yang berlaku pada ruangan masa dan tempat boleh dikatakan sebagai drama. Menurut Hasanuddin (1996:2) menyatakan Moulton berpendapat pengertian drama adalah menyaksikan kehidupan manusia yang diekspresikan secara langsung. Perkara ini menerangkan drama adalah kehidupan manusia yang sebenar. Segala peristiwa yang menghubungkan pancaindera manusia





seperti rasa, lihat, dengar, sentuh, bau dan sebagainya, ianya merupakan sebuah drama secara langsung. Oleh itu, kita manusia sama ada sebagai pemerhati atau pelaku di pentas kehidupan telah memasuki ke ruangan drama.

Kamus Dewan Edisi Ketiga (1993:293) drama membawa maksud cerita tentang kehidupan dan sebagainya yang dilakukan untuk tontonan ramai. Drama sebagai karya kreatif yang unik kerana mengandungi dua aspek iaitu aspek sastera dan aspek teater. Aspek sastera ia mengandungi cerita dan unsur-unsur karya kreatif seperti pemikiran, plot, watak, bahasa, dan latar. Manakala, aspek teater pula drama dilihat sebagai hasil pementasan. Dengan itu, skrip drama yang telah ditulis akan dipersembahkan di atas pentas.



Menurut Hermawan (1988 :1) menyatakan istilah drama berasal dari kata yunani iaitu draomai yang bermaksud berbuat, berlaku, bertindak, beraksi dan sebagainya. Perkara ini memberi makna drama merujuk kepada perbuatan atau tindakan. Manakala, menurut Putu Wijaya (2007), menyatakan perkataan drama juga berasal dari bahasa Yunani yang memberi maksud dialog dalam bentuk puisi atau prosa. Dialog-dialog tersebut mempunyai cerita dan makna untuk disampaikan kepada khalayak dalam bentuk drama. Dialog ialah perbualan antara watak bagi menggambarkan sesuatu peristiwa atau untuk menyampaikan pemikiran pengarang

Rahimah Bujang (1994: 2) menyatakan drama merupakan satu bentuk seni yang bersifat dramatik, iaitu seni yang mengutamakan' kesan dan tekanan emosi sebagai





penambat. Daya tarikan berjaya dilakukan apabila ia mampu memikat emosi pembaca atau penontonnya. Drama ialah karya yang dramatik kerana pengutaraan kisahnya seolah-olah menjawab persoalan-persoalan yang menarik perhatian dari awal hingga akhir.

Mohamad Nazri Ahmad (2000: 16) memberikan maksud drama adalah sesuatu penciptaan yang dihasilkan daripada peniruan dalam sesebuah masyarakat. Skrip-skrip drama yang diolah berdasarkan peristiwa-peristiwa yang dikhayalkan, difikirkan atau dialami oleh pengarangnya. Hal ini jelas menunjukkan bahawa peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam kehidupan seharian sebagai sumber cerita yang bakal ditulis oleh pengarang.



Menurut Kalam Hamidi (2003:20) terdapat dua pengertian drama iaitu pada bahasa dan sifat. Pengertian pada bahasa ialah perkataan drama berasal daripada bahasa Greek Tua, merujuk kepada sesuatu lakonan dan perbuatan. Lakonan dan perbuatan ianya melibatkan setiap anggota bercakap manusia yang berfungsi untuk melihat, menghidu, mendengar, bercakap, bergerak dan sebagainya. Manakala, pengertian pada sifat drama pula bererti sesuatu peristiwa yang memberi emosi seperti sedih, gembira, takut, sayang, rindu dan sebagainya. Sebagai contoh emosi sedih seperti kejadian pembunuhan, kematian, kemalangan dan sebagainya. Sifat drama ini menerangkan sesuatu peristiwa yang berlaku akan menimbulkan emosi.





Sahlan Mohd Saman, Shaiful Bahri Md. Radzi (2005:149), menyatakan drama ialah karya yang bertujuan menggambarkan kehidupan, mengemukakan pertikaian dan perasaan serta melalui perlakuan dan dialog yang lazimnya dirancang untuk pementasan. Pengarang merupakan orang yang bertanggungjawab untuk melahirkan sesebuah skrip dan merupakan individu yang sangat penting.

Ani Hj. Omar (2011:371) menyatakan drama juga adalah cermin kehidupan. Apa yang terjadi dalam ruang lakon atau pentas menggambarkan sebahagian besar dari aspek kehidupan. Pemikiran yang hendak disampaikan mempunyai pelbagai unsur-unsur pengajaran dalam pelbagai cara, ada yang bersahaja dan tidak kurang juga mengungkapkannya secara berfalsafah. Drama yang berfalsafah harus didekati secara falsafah di mana ianya mementingkan isi, moral dan bersifat ideologi. Namun drama juga harus bersifat kontekstual dengan memelihara hubungannya dengan masyarakat.

Bentuk drama terbahagi kepada dua iaitu drama bertulis dan drama pementasan. Nik Hassan Basri Nik Ab Kudir (2005:17) pula menyatakan drama dapat dipisahkan kepada dua bentuk iaitu drama bertulis dan drama pementasan. Drama bertulis ialah skrip atau sejenis karangan berdialog yang berbentuk prosa dan puisi yang mengisahkan tindakan, peristiwa‘ kejadian yang dilalui, dilakukan dan dialami manusia pada sesuatu tempat dan masa yang tertentu dalam pelbagai persoalan dan realiti kehidupan.

.



Drama bertulis dihasilkan untuk menyampaikan sesuatu makna atau pemaknaan kepada khalayak. Makna atau pemaknaan yang terdapat dalam skrip drama lebih tertumpu melalui dialog-dialog. Hal ini, dialog-dialog memberi gambaran pemikiran atau gagasan pengarang yang terkandung dalam skrip drama tersebut. Menurut Kamaluddin Abd. Rahman (2007) bahawa skrip drama merujuk kepada dialog-dialog yang menceritakan semula hal ehwal, perilaku, sikap, budaya, pegangan agama dan sebagainya yang dilihat sebagai falsafah atau pemikiran yang terangkum dalam bentuk lakonan tentang bangsa dan masyarakat. Oleh itu, sesebuah naskhah drama yang baik dapat memberikan gambaran yang jelas tentang pemikiran pengarang melalui unsur-unsur dramatik dalam dialog yang dihasilkan.

Drama pentas merupakan hasil terakhir daripada karya bertulis yang berbentuk skrip drama. Menurut Rahmah Bujang (2015: 2) bahawa skrip drama merupakan bahan metaf untuk dipentaskan. Skrip drama perlu dianalisis terlebih dahulu sebelum dipentaskan supaya memberi gambaran sebenar perkara yang ingin disampaikan oleh penulis. Skrip drama sebagai alat penghubung antara manusia kepada tiga aspek kehidupan iaitu sudut emosi, sudut intelek dan sudut pengalaman. Drama pentas akan ditonton peristiwa yang terkandung dalam skrip drama berdasarkan perwatakan yang dipegang oleh pelakon dengan alat sokongan seperti set dan prop, kostum dan tatarias, penataan cahaya dan latar bunyi dan muzik.

Hasanuddin WS dalam Mana Sikana (1996: 15) pula mendefinisikan drama sebagai suatu genre sastera yang lebih terfokus sebagai suatu karya yang berorientasikan kepada seni pertunjukan dengan menempatkan dua dimensi karakter



sebagai seni lakon, seni peran atau seni pertunjukan. Drama juga merupakan sebuah pertunjukan atau perlakuan yang disengajakan oleh manusia untuk berhubungan dengan manusia lain. Dengan demikian, pelakon-pelakon mestilah mempunyai kepakaran dan kecekapan tertentu untuk melakukan kegiatan tersebut. Justeru, untuk pementasan drama memerlukan ruang, waktu atau audiens. Sesuatu yang dipaparkan melalui dram adalah sesuatu atau sejumlah kejadian yang memikat hati serta menimbulkan kesan emosi. Dengan itu, memberi gambaran bahawa drama dipengaruhi dengan persekitaran dan masyarakat.

Manu Sikana (2006:3) definisi drama ialah aksi berseni atau lebih dikenali sebagai lakonan. Lakonan yang dimaksudkan ialah aksi yang dicipta oleh manusia untuk berkomunikasi secara simbolik dan aksi tersebut dilakukan di hadapan penonton.

Komunikasi dengan simbolik ialah komunikasi melalui imej atau cerita imaginatif. Dengan kata lain, drama ialah sejenis karya seni yang menggunakan gerak, bahasa, pentas, kostum, bunyi dan cahaya. Dalam sesuatu pertunjukan drama, didapati banyak cabang seni yang terlibat seperti seni rupa, seni suara, seni lakonan, seni tari atau seni ukir. Dengan itu, menggambarkan drama sebuah satu cabang seni yang luas dan menyeluruh.

Secara umumnya, drama merupakan sebuah kehidupan yang dipenuhi dengan aksi dan reaksi di ruang masa dan tempat. Drama dihasilkan dalam bentuk penulisan kreatif sebagai sumber maklumat dan nasihat. Penulisan teks drama yang mengandungi struktur tema, plot, watak, latar dan latar menjadi asas menggambarkan peristiwa kehidupan. Drama bukan sahaja boleh dibaca, ianya juga boleh dipentaskan oleh para pelakon yang mempunyai kemahiran dalam seni lakonan. Kemahiran lain seperti seni





bina juga diperlukan supaya boleh menghidupkan latar suasana dan meningkatkan emosi pelakon mahupun penonton.

1.8.4 Teori Teksdealisme

Teori Teksdealisme digagaskan oleh Mana Sikana (Abdul Rahman Napiah) berdasarkan Hikayat Hang Tuah. Menurut Mana Sikana(2013:83) sifat keberanian Hang Jebat melakukan perlanggaran terhadap feudalisme Melayu dengan membunuh Raja Melaka. Dalam hal ini, perjuangan Hang Jebat menuntut bela ke atas kematian Hang Tuah yang dihukum bunuh tanpa usul periksa. Hang Jebat dianggap watak yang unggul (luar biasa) kerana melakukan sesuatu yang bertentangan dengan konvensi kehidupan beraja pada waktu itu. Sifat perlanggaran Hang Jebat menjadi akar kepada Teksdealisme iaitu pencapaian tertinggi dalam dunia kesusasteraan.

Teksdealisme daripada rangkuman dua kosa kata ‘teks’ dan ‘idealisme’ menjadi ‘Teksdealisme’, didefinisikan teks sebagai susunan idea dan pengalaman yang mengandungi makna berlapis-lapis dengan mempunyai sifat-sifat keunggulannya, iaitu mempunyai nilai dan mutu yang tinggi. Seseorang pengarang perlu ada idea dan pengalaman untuk menghasilkan sesuatu karya yang unggul dan membentuk jati diri sebagai penulis yang unggul. Hal ini, setiap pengarang mempunyai hasrat untuk meletakkan teks supaya mencapai suatu tahap keunggulan melalui usaha dengan bakat, kebolehan, intelektual dan keterampilannya.





Sehubungan itu, falsafah teori Teksdealisme menuntut seseorang pengarang bersifat berani mengemukakan sesuatu yang baharu dan bijaksana mengolah karya berlandaskan bidang keilmuan yang tinggi. Sifat keberanian dan kebijaksanaan akan menghasilkan perubahan teks dengan melanggar teks lingkungan tradisi dan membina ke arah teks-teks yang unggul. Teori Teksdealisme menyediakan 4 prinsip sebagai panduan untuk mencapai tahap keunggulan. Keempat-empat prinsip tersebut ialah kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan individualisme.

Jelaslah teori Teksdealisme menginterpretasi secara analitis dan kritis sesebuah karya dan kemudiannya mengangkat karya tersebut ke puncak idealisme. Seseorang pengarang yang sedar konsep kepengarangannya akan cuba memperbaharui setiap teks

karya yang dihasilkannya. Ketidakpuasan terhadap teks karya yang sudah dihasilkan menyebabkan seseorang pengarang selalu berusaha untuk menghasilkan karya yang seterusnya lebih unggul daripada apa yang sudah terhasilnya. Oleh itu, pengarang mempunyai hasrat yang bersungguh-sungguh untuk mencipta perbezaan dengan pengarang lain mahupun dengan karyanya sendiri yang terdahulu, agar dengan kelainan-kelainan itu akan dapat mengangkat darjat diri dan karyanya ke tahap yang unggul.





1.9 Kesimpulan

Secara umumnya, pada permulaan bab ini gambaran secara umum berkaitan aspek kajian keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan dalam drama dari perspektif teori Teksdealisme. Seterusnya, mengenai tentang maklumat pengarang Anwar Ridhwan dan tiga drama pentas yang berjaya dihasilkan. Selain itu, bab ini juga menyatakan tujuan menjalankan kajian ini tentang pengarang tersebut. Hal ini, telah dinyatakan objektif kajian, soalan kajian dan kepentingan kajian dalam bab ini. Sehubungan itu, bab ini juga menerangkan tentang batasan kajian dan kaedah kajian. Justeru, penerangan secara ringkas tentang teori yang akan digunakan dan definisi operasional dalam kajian ini juga dijelaskan supaya dapat difahami.

